



# PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEDUABELAS  
2009**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB  
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB  
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA  
KEMENTERIAN**

**HARI RABU: 21 OKTOBER 2009**

**CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA.**  
Sidek/jwp.09

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 9 HINGGA 40)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 8**

**[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**NO. SOALAN :NO. 9**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : TUAN MASIR ANAK KUJAT**  
**TARIKH : 21 OKTOBER 2009 (ISNIN)**

**Tuan Masir Anak Kujat [ Sri Aman ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan sama ada Kementerian akan membina sebuah Kolej Komuniti di Sri Aman, jikalau ada, bilakah ia akan dibina.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah kolej komuniti dibuat berdasarkan kepada keperluan semasa dan faktor-faktor tertentu antaranya:

- i. jumlah penduduk setempat dan bilangan sekolah menengah;
- ii. kos pembinaan;
- iii. kesesuaian lokasi; dan
- iv. kewujudan pelbagai institusi latihan yang lain seperti IKBN dan IKM.

Pada masa ini, Kerajaan belum bercadang untuk membina sebuah kolej komuniti di kawasan Parlimen Sri Aman. Sehingga kini, Negeri Sarawak telah mempunyai dua buah Politeknik, tiga buah kolej komuniti induk dan dua buah kolej komuniti cawangan seperti berikut:

- i. Politeknik Mukah
- ii. Politeknik Kuching
- iii. Kolej Komuniti Kuching
- iv. Kolej Komuniti Mas Gadıng
- v. Kolej Komuniti Miri
- vi. Kolej Komuniti Cawangan Betong
- vii. Kolej Komuniti Cawangan Santubong

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kolej Komuniti Cawangan Betong merupakan kolej komuniti yang berhampiran dan mampu memenuhi keperluan program latihan bagi penduduk kawasan Sri Aman. Politeknik dan kolej komuniti yang sedia ada dapat memberi peluang pendidikan dan latihan kepada masyarakat setempat di Negeri Sarawak serta lepasan sekolah menengah yang tidak dapat melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN  
JAMALUDDIN  
(BUKIT GANTANG)**

**TARIKH : 21 OKTOBER 2009**

**SOALAN :**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) Senaraikan perancangan pembangunan serta projek mega yang dirancang bagi DUN Trong, Parlimen Bukit Gantang di sepanjang RMKe-9; dan
- (b) Apakah tahap pelaksanaan projek-projek tersebut?

**JAWAPAN : YB TAN SRI NOR MOHAMED YAKCOP**

Tuan Yang di- Pertua,

Bagi DUN Trong, Parlimen Bukit Gantang, terdapat 14 projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia KeSembilan seperti berikut:

- (i) 10 projek bina sekolah;
- (ii) 1 projek menaiktaraf laluan;
- (iii) 1 projek membaikpulih jalan;
- (iv) 1 program agrotourism; dan
- (v) 1 projek gelanggang rakyat.

Bagi status kemajuan projek, daripada 14 projek berkenaan, tujuh projek sudah siap, satu projek mendahului jadual dan baki enam projek mengikut jadual. Tidak ada projek mega yang telah dirancangkan bagi kawasan DUN Trong berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH**  
**(LIMBANG)**  
**TARIKH : 21.10.2009**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH [ LIMBANG ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah akan dibina sebuah sekolah pusat dengan prasarana yang lengkap dan dapat digunakan oleh semua penduduk di kawasan sepanjang Sungai Limbang dan seterusnya menutup 5 buah sekolah yang sekarang ini terletak di kawasan sepanjang Sungai Limbang dengan bilangan yang terlalu sedikit dan keadaan bangunan sekolah yang sangat buruk dan daif.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengambil maklum akan permohonan untuk membina sekolah pusat di kawasan Sungai Limbang. Walau bagaimanapun, sebelum cadangan untuk membina sesebuah sekolah pusat dipertimbangkan, beberapa perkara perlu diambil kira. Antaranya adalah bilangan murid, bilangan guru dan persetujuan serta komitmen semua pihak dalam penutupan sekolah-sekolah kecil dalam kawasan berkaitan. Selain daripada itu, kedudukan sekolah berpusat yang dicadangkan berbanding kawasan tempat asal murid-murid perlu juga diberi perhatian. Ini adalah kerana ia akan melibatkan kos pengangkutan murid-murid yang akan belajar di sekolah berpusat tersebut, walaupun bukan sebagai pelajar harian. Ini juga bermakna persetujuan semua ibu bapa murid-murid untuk berpindah ke sekolah pusat serta penutupan sekolah asal mereka perlu diperolehi.

Justeru, pada masa ini KPM tidak bercadang untuk menutup kelima-lima sekolah yang dimaksudkan, sebaliknya bagi memastikan sekolah-sekolah tersebut beroperasi dengan baik, KPM melalui Jabatan Pelajaran Sarawak telah menyediakan peruntukan bagi melaksanakan pembaikan kecil untuk sekolah-sekolah yang terlibat.

Rjm 04

**PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA KEDUABELAS,  
MESYUARAT KETIGA,  
PENGGAL KEDUA**

**PERTANYAAN** : Jawab Lisan  
**DARIPADA** : Tuan Zulkifli bin Noordin  
(Kulim Bandar Baru)  
**TARIKH** : Rabu, 21 Oktober 2009

**SOALAN [12]** : Tuan Zulkifli bin Noordin minta **MENTERI**  
**(No. ~~28~~ PR-1223-** **LUAR NEGERI** menyatakan:  
**L33602)**

(a) apakah dasar yang diambil terhadap masalah umat Islam di Selatan Thai dan adakah Kerajaan bercadang mendesak Kerajaan Thailand supaya memberikan kuasa autonomi kepada umat Islam Selatan Thai

(b) dan adakah Kerajaan bercadang memberi pas laluan sempadan bagi memudahkan pergerakan umat Islam Selatan Thai ke negara ini.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi soalan (a) ingin saya maklumkan bahawa Kerajaan berpegang kepada dasar bahawa masalah di wilayah selatan Thailand adalah masalah dalaman Kerajaan Thailand. Oleh yang demikian, Kerajaan Malaysia tidak boleh mendesak Kerajaan Thailand supaya memberikan kuasa autonomi kepada umat Islam Selatan Thai. Bagi soalan (b) pula, Kerajaan tidak mempunyai cadangan sedemikian.

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA :** Y.B. DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN  
BUMBURING @ WILFRED [ TUARAN ]  
**TARIKH :** 21 OKTOBER 2009  
**SOALAN :**

**Y.B. Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [Tuaran]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah tiada seorang pun orang Sabah yang menjadi Ahli Lembaga Pengarah Petronas walaupun Sabah menyumbang hasil minyak yang besar untuk negara.

**JAWAPAN :** YB TAN SRI NOR MOHAMED YAKCOP

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ahli Lembaga Pengarah PETRONAS pada masa ini terdiri daripada seorang pegawai tinggi kerajaan, seorang pengamal undang-undang bebas, seorang Pengarah Bukan Eksekutif Bebas dan empat (4) orang pegawai kanan PETRONAS terdiri daripada Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS dan tiga (3) orang Naib Presiden.

Perlantikan ahli Lembaga Pengarah PETRONAS adalah dibuat oleh Kerajaan berdasarkan keupayaan seseorang untuk menyumbang kepada pembangunan industri petroleum negara. Sehingga kini, faktor negeri pengeluar utama minyak bukan merupakan syarat atau indikator dalam pemilihan dan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah Petronas.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan akan sentiasa berusaha untuk memastikan penyertaan wakil Sabah dan Sarawak yang mencukupi di dalam Lembaga Pengarah syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU  
(TELOK INTAN)**

**TARIKH : 21.10.2009**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU [ TELOK INTAN ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah pusat tuisyen berdaftar yang memberi tuisyen untuk murid-murid di sekolah rendah dan sekolah menengah dan menyediakan mereka untuk UPSR, PMR, SPM dan STPM pada tahun 2008; dan
- (b) apakah guru-guru kita di sekolah rendah dan menengah tidak dapat membimbing murid-murid kita sehingga murid-murid terpaksa belajar di pusat tuisyen yang kadang-kadang sehingga ke jam 12 malam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Sebanyak 2,487 buah pusat tuisyen berdaftar di seluruh Malaysia sehingga 30 Jun 2008. Terdapat seramai 202,327 pelajar yang mengikuti tuisyen untuk UPSR, PMR, SPM dan STPM pada tahun 2008.
- (b) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memang berpuas hati dengan kualiti guru-guru yang dikeluarkan. Guru-guru yang telah berkhidmat sentiasa dari semasa ke semasa diberi kursus dan bimbingan melalui kursus dalam perkhidmatan sama ada secara jangka pendek dan jangka

panjang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 'Guru Permulaan' (*Newly Qualified Teachers*) yang merupakan graduan dari IPG dipantau oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG) dalam tempoh 6 bulan pertama selepas ditempatkan di sekolah-sekolah. Bimbingan dan panduan masih diberikan kepada guru-guru baru dengan kerjasama pihak sekolah iaitu pentadbir dan guru-guru terlatih. Di samping itu, peranan Jemaah Nazir Jaminan Kualiti bagi pemantauan dan penaziran dilaksanakan dari semasa ke semasa, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia memberi bimbingan kaunseling melalui kaunselor yang dilantik serta Institut Aminuddin Baki dalam memberikan latihan pengurusan. Dari segi nisbah guru murid, memang telah memenuhi dasar yang telah ditetapkan oleh KPM.

Walau bagaimanapun, murid-murid yang mengikuti kelas-kelas tuisyen di luar waktu persekolahan merupakan inisiatif ibu bapa murid-murid itu sendiri untuk mendapatkan pendidikan tambahan kepada anak-anak mereka.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE**  
**[ GOPENG ]**  
**TARIKH : 21 OKTOBER 2009**  
**SOALAN :**

**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah warga Malaysia yang memegang ijazah perubatan yang tidak diiktiraf oleh Majlis Perubatan Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada masa ini terdapat 238 orang graduan perubatan dari institusi-institusi tidak diiktiraf yang masih belum lulus Ujian Kelayakan Perubatan yang ditetapkan di bawah Akta Perubatan 1971. Bagi graduan yang belum lulus ujian kelayakan perubatan, Kabinet telah memberi kelulusan untuk mengadakan peperiksaan '*Medical Qualifying Examination*' secara '*one-off*' sahaja. Ia bertujuan membantu graduan dari universiti tidak diiktiraf yang telah kehabisan peluang menduduki ujian kelayakan di universiti tempatan.

Format dan pemarkahan peperiksaan '*Medical Qualifying Examination*' yang dijalankan adalah setaraf dengan peperiksaan tahun akhir pelajar perubatan yang dilaksanakan oleh universiti tempatan.

Walaupun bagaimanapun Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Perubatan Malaysia amat prihatin terhadap nasib graduan tersebut. Bagi menyelesaikan kemelut yang dihadapi oleh mereka, Jemaah Menteri telah bersetuju agar suatu Program Bimbingan Bagi Graduan Perubatan Institusi Yang Tidak Diiktiraf diadakan dimana para graduan yang terlibat diberi latihan dan bimbingan intensif selama 18 bulan bagi memberi mereka persediaan yang mencukupi sebelum menduduki Peperiksaan Kelayakan Perubatan. Sehingga kini seramai 100 orang telah menyertai program ini.

Bilangan graduan perubatan dari institusi diiktiraf yang telah berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia sehingga penghujung September 2009 pula adalah seramai 27,997 orang.

NO. AUM : 31

NO. AUP : 16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN  
[ PENGKALAN CHEPA ]**

**TARIKH : 21 OKTOBER 2009**

**RUJUKAN : 2049**

**SOALAN:**

**Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan baru-baru ini perarakan membantah pemindahan kuil daripada Seksyen 19 ke Seksyen 23 Shah Alam. Di antara mereka telah bertindak memijak-mijak kepala lembu sebagai menghina agama lain. Berapa ramai yang telah ditangkap dan didakwa.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengkalan Chepa yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kes demonstrasi haram berhubung bantahan pembinaan kuil Hindu di Seksyen 23 Shah Alam adalah disiasat di bawah Seksyen 27(5) Akta Polis 1967 dan Seksyen 4(1)(A) Akta Hasutan 1948. Hasil daripada siasatan pihak polis, seramai 12 orang suspek telah ditahan dan telah dituduh di mahkamah pada 9 September 2009.

NO. AUM : 29

NO. AUP : 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN**  
**[ PETALING JAYA SELATAN ]**  
**TARIKH : 21 OKTOBER 2009**  
**RUJUKAN : 2048**

**SOALAN:**

Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan memandangkan indeks jenayah yang semakin meningkat kini, adakah Kementerian mencadangkan peruntukan untuk menubuhkan pondok polis bagi setiap 2,000 keluarga atau setiap penempatan perumahan baru yang mana penduduknya belum saling mengenali untuk bersatu mencegah jenayah bersama.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan** yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia, Kementerian tiada cadangan khusus mewujudkan sebuah pondok polis bagi setiap 2,000 keluarga atau setiap penempatan perumahan baru memandangkan taburan penduduk di kawasan adalah tidak sekata dan kadar jenayah indeks di sesebuah kawasan adalah berbeza. Di samping dua faktor yang disebutkan di atas, pewujudan sesebuah pondok polis mahupun balai polis juga adalah berasaskan beberapa kriteria lain, iaitu:-

- i) Kadar kemalangan jalan raya;
- ii) Ancaman keselamatan;
- iii) Pembangunan fizikal sedia ada; dan
- iv) Jangkaan pembangunan masa hadapan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI**  
**[ BAGAN SERAI ]**  
**TARIKH : 21 OKTOBER 2009**  
**SOALAN :**

**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan mengurangkan obesiti di kalangan kanak-kanak.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan mengambil maklum bahawa kadar obesiti di kalangan kanak-kanak di Malaysia menunjukkan tren peningkatan. Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia yang telah dilancarkan pada tahun 2005 mengguna pakai 12 strategi untuk mencapai tiga objektif utama yang terkandung di dalam dasar tersebut. Strategi yang ketujuh, iaitu "Menggalakkan cara pemakanan yang sihat dan gaya hidup yang aktif bagi semua lapisan masyarakat" adalah merupakan asas bagi program dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di Malaysia bagi mencegah dan mengawal masalah berlebihan berat

badan dan obesiti di kalangan kanak-kanak, dengan fokus untuk mendidik kanak-kanak dalam mengamalkan cara hidup yang lebih sihat.

Dengan kerjasama Kementerian Pelajaran, Kementerian Kesihatan telah mengukuhkan topik pemakanan sihat dan kepentingan aktiviti fizikal di dalam kurikulum sekolah dari peringkat tadika ke sekolah menengah. Kerajaan juga telah memperkenalkan aktiviti ko-kurikulum fizikal yang mempunyai komponen pendidikan amalan pemakanan yang sihat, termasuklah pilihan makanan yang bijak, makanan yang boleh menyebabkan berlebihan berat badan, cara untuk mengawal berat badan dengan selamat dan cara-cara untuk meningkatkan aktiviti fizikal. Satu program khusus bagi pelajar sekolah rendah yang dipanggil 'Program Doktor Muda' juga kini telah diperluaskan ke seluruh negara, yang bertujuan untuk memperkasakan murid-murid sekolah ke arah amalan cara hidup yang sihat dengan kaedah pengaruh rakan sebaya.

Pada tahun 2007, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Kementerian Pelajaran juga telah memperkenalkan 'Kantin Sekolah Sihat', dengan tujuan untuk meningkatkan kualiti makanan yang dijual di kantin dari aspek penyediaan makanan yang sihat.

Kementerian Kesihatan terus berusaha untuk mengukuhkan lagi program pencegahan dan kawalan penyakit tidak berjangkit di Malaysia (yang merangkumi obesiti di kalangan kanak-kanak) melalui Pelan Strategik Kebangsaan untuk Penyakit Tidak Berjangkit, yang

kini dalam peringkat akhir perancangan. Pelan Strategik Kebangsaan ini adalah selaras dengan resolusi-resolusi Pertubuhan Kesihatan Sedunia, dan penting untuk mengukuh dan mengkoordinasikan pelbagai program yang sedia ada, di samping melibatkan semua kementerian, agensi dan sektor swasta.

NO. AUM : 38

NO. AUP : 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB  
[ BALING ]**

**TARIKH : 21 OKTOBER 2009**

**RUJUKAN : 2051**

**SOALAN:**

**Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [ Baling ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah sebabnya Menteri bertemu dan melayani sekumpulan orang dari Seksyen 23, Shah Alam selepas mereka itu mengarak dan memijak-mijak kepala lembu yang jelas menghina agama lain yang dilarang oleh Islam seperti yang disebut dalam Surah Al-An'am.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Baling yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, hasil siasatan pihak polis mendapati laporan polis yang dibuat terhadap Y.B. Sembrong tersebut tidak mengandungi kesalahan jenayah. Oleh yang demikian, ia diklasifikasikan sebagai NOD [No Offence Disclosed] dan tiada siasatan lanjut dijalankan ke atas laporan-laporan tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Tindakan Y.B. Sembrong berjumpa dengan suspek yang terlibat dalam insiden memijak kepala lembu di Shah Alam tidak boleh dilihat sebagai merestui tindakan kumpulan terbabit. Sebaliknya, tujuan perjumpaan tersebut diadakan adalah bagi mendapatkan penjelasan terperinci disamping cuba untuk menenangkan keadaan daripada menjadi lebih tegang dan mengelakkan kejadian yang tidak diingini daripada berlaku.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
[SUNGAI SIPUT]**

**TARIKH : 21 OKTOBER 2009**

**SOALAN :**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahun bila Skim Pemberian Peruntukan Khas Perdana Menteri untuk kawasan-kawasan Parlimen dimulakan.

**JAWAPAN : YB TAN SRI NOR MOHAMED YAKCOP**

Tuan Yang Dipertua,

Peruntukan Khas Y.A.B. Perdana Menteri untuk kawasan Parlimen telah disediakan sejak tahun 1975.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN CHONG ENG**  
**[ BUKIT MERTAJAM ]**  
**TARIKH : 21 OKTOBER 2009**  
**SOALAN :**

**Puan Chong Eng [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik terkini wanita dengan HIV/AIDS. Apakah tindakan Kerajaan untuk menangani masalah peningkatan wanita yang dijangkiti HIV/AIDS iaitu daripada 1.1 peratus pada 1990 kepada 16.3 peratus pada 2007.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Jumlah kumulatif kes HIV di Malaysia sehingga bulan Jun 2009 adalah sebanyak 86,127. Dari jumlah tersebut, pecahan mengikut gender adalah 78,326 (90.9%) lelaki manakala 7,801(9.1%) wanita. Namun begitu, tren bilangan kes HIV dilaporkan (lelaki dan wanita) di Malaysia mengikut tahun telah menunjukkan penurunan berterusan dari 6,756 kes (Tahun 2003) kepada 3,692 kes (Tahun 2008).

Tren wanita dijangkiti HIV yang dilaporkan mengikut tahun kelihatan meningkat hanya dari segi peratusan berbanding lelaki. Pada tahun 2006 peratus wanita dijangkiti HIV dilaporkan adalah pada kadar 15.0% meningkat kepada 19.1% pada tahun 2008 berbanding lelaki. Namun, jika dilihat dari segi bilangan wanita dijangkiti HIV yang dilaporkan ianya didapati menurun dari 875 kes (tahun 2006) kepada 704 kes (tahun 2008). Bagi tempoh Januari hingga Jun 2009, seramai 263 kes wanita dijangkiti HIV dilaporkan.

Langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menangani HIV dan AIDS di Negara ini adalah dengan membentuk Plan Strategik HIV dan AIDS Tahun 2006 hingga 2010. Plan Strategik ini menggariskan enam (6) strategi utama dan strategi ke empat adalah strategi bagi mengurangkan *vulnerability* jangkitan HIV kepada wanita. Strategi ini dilaksanakan secara penglibatan pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

Di antara program serta aktiviti yang dijalankan adalah menggalakkan semua bakal-bakal pengantin tanpa mengira agama menjalani ujian saringan saringan HIV Pra Perkahwinan secara percuma di semua klinik kesihatan kerajaan. Manakala Jabatan Agama Islam seluruh Negara melalui kuasa yang ada mewajibkan ujian tersebut terhadap semua bakal-bakal pengantin Islam. Kerajaan turut melaksanakan kempen HIV/AIDS meliputi kempen media elektronik dan cetak bagi memberi kesedaran kepada masyarakat termasuk wanita untuk mengelakkan amalan berisiko tinggi seperti penagihan dadah dan mengamalkan seks rambang. Penekanan turut diberi dari aspek memperkasakan (*empowerment*) kaum wanita agar berupaya untuk melindungi diri dari dijangkiti HIV.

**NO. AUM : 41**

**NO. AUP : 22**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]**

**TARIKH : 21 OKTOBER 2009**

**RUJUKAN : 2053**

**SOALAN:**

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada perintah Mahkamah Majistret yang diperoleh oleh pihak polis di Ipoh pada 1/9/2009 di bawah Seksyen 98 Kanun Acara Jenayah (Akta 593) menghalang orang ramai daripada berkumpul dalam lingkungan radius 30 meter dari pagar Bangunan Perak Darul Ridzuan telah diserahkan melalui warta di bawah Seksyen 90 Akta tersebut pada 2 September 2009 dan jika belum bilakah ia diwartakan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Beruas yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, perintah Mahkamah Majistret yang diperolehi oleh pihak polis di Ipoh pada 1/9/2009 adalah dibuat di bawah Seksyen 98 Kanun Acara Jenayah (Akta 593). Seksyen 98(1) Kanun Acara Jenayah memperuntukkan bahawa, Majistret sekiranya berpandangan bahawa langkah-langkah pencegahan yang atau remedi yang segera adalah dikehendaki, maka beliau boleh membuat perintah bertulis menerangkan fakta material kes dan menyampaikannya mengikut peruntukan dalam Seksyen 90, mengarahkan mana-mana orang supaya menjauhi daripada menjalankan sesuatu perbuatan tertentu bagi mengelakkan halangan, kegusaran atau kecederaan kepada mana-mana orang yang digajikan dengan sah atau kepada nyawa manusia, kesihatan atau keselamatan atau rusuhan atau gaduh gempar. Walau bagaimanapun, di dalam keadaan kecemasan atau dalam kes-kes di mana notis perintah tidak berpeluang untuk disampaikan kepada pihak di mana perintah itu dibuat, maka tatacara berhubung penyampaian sepertimana yang termaktub di dalam

Seksyen 90 Kanun Acara Jenayah adalah tidak terpakai sama sekali. Subseksyen 98(2) Kanun Acara Jenayah memberikan kuasa kepada Mahkamah untuk menimbang hal tersebut secara *ex parte*, iaitu dengan mendengar permohonan dari satu pihak sahaja.

Tuan Yang Dipertua,

Oleh yang demikian, persoalan berhubung keperluan untukewartakan Perintah Mahkamah Majistret bertarikh 1 September 2009 sepertimana yang dibangkitkan oleh YB Beruas adalah tidak berbangkit sama sekali. Ini kerana Perintah yang dikeluarkan tersebut adalah dibuat di bawah Bab X [10] Kanun Acara Jenayah, iaitu kuasa untuk mengeluarkan perintah mutlak dalam kes-kes kacau ganggu yang mendesak, atau dengan izin *Power to issue order absolute at once in urgent cases of nuisance*, yang mana berbeza dengan Perintah Mahkamah yang dibuat di bawah Bab IX [9] Kanun tersebut berhubung kacau ganggu awam atau *Public Nuisance*, dengan izin.

**NO. AUM : 15**

**NO. AUP : 23**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB  
[ KUBANG KERIAN ]**

**TARIKH : 21 OKTOBER 2009**

**RUJUKAN : 2044**

**SOALAN:**

**Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah siasatan laporan polis dengan nombor laporan 347/02 di Balai Polis Dang Wangi pada 4 Januari 2002 dan laporan polis oleh Dato' Ong Jyh Jong dengan nombor laporan 12532/05 di Balai Polis Dang Wangi pada 4 Mei 2005 berhubung skandal urus niaga melibatkan MAS.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Ahli Yang Berhormat Kubang Kerian** yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia, pihak polis telah selesai menjalankan siasatan mengenai dakwaan salah laku jenayah berkaitan keputusan memilih Syarikat *Advance Logistics* sebagai pengendali kargo MAS di Lapangan Terbang Hahn, Jerman serta penyewaan kapal terbang kargo *Atlas Air* Amerika Syarikat. Pejabat Peguam Negara telah mengarahkan kes ini dirujuk dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk tindakan kompaun di bawah Seksyen 371A Akta Syarikat 1965 terhadap Tan Sri Tajuddin Ramli dan Wan Aishah Wan Hamid.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ER TECK HWA  
(BAKRI)**

**TARIKH : 21 OKT 2009  
(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan:**

- (a) apakah tindakan yang diambil oleh Menteri sejak Mac 2009 untuk mencegah banjir kilat di Kampung Poh Chee Leng, Skudai yang berpunca dari Kompleks Briged ke-7 TDM. Apakah kesimpulan selepas Kementerian berbincang dengan MPJB; dan**
- (b) adakah Slit Trap dirancang di tapak kejadian. Jika tidak, mengapa.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Projek pembinaan Kompleks Briged ke-7, Tentera Darat Malaysia, Kem Skudai adalah di antara projek penswastaan Kementerian Pertahanan. Syarikat KCSB Konsortium Sdn. Bhd. telah dilantik untuk melaksanakan projek ini.**

**Jarak di antara Kompleks Briged ke-7, Tentera Darat Malaysia, Kem Skudai dengan Kampung Poh Chee Leng, Skudai adalah 5 km. Kejadian banjir lumpur kilat di Kampung Poh Chee Leng, Skudai bukan disebabkan oleh air yang mengalir keluar dari kawasan tapak pembinaan projek berkenaan. Kejadian banjir di kampung tersebut sering terjadi terutama apabila musim hujan lebat kerana kawasan berkenaan adalah kawasan rendah, bahkan banjir kilat ini telah berlaku sebelum projek kem ini bermula lagi.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Semasa projek pembinaan Kompleks Briged ke-7, Tentera Darat Malaysia, Kem Skudai sedang berjalan, *silt trap* sememangnya ada di tapak projek tersebut.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIANG TECK MENG  
[ SIMPANG RENGAM ]

TARIKH JAWAPAN : 21 OKTOBER 2009 (RABU)  
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan tahap kemajuan Projek Bakun setakat ini. Adakah projek ini dapat mengatasi masalah kekurangan bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia memandangkan '*reserve margin*' bekalan elektrik masa ini adalah tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga bulan September 2009, kemajuan fizikal Projek Hidro Elektrik Bakun adalah pada tahap 93 peratus siap dengan turbin pertama berkapasiti 300MW dijangka akan mula beroperasi pada bulan Oktober 2010.

Perancangan untuk menyalurkan bekalan elektrik dari Projek Hidro Elektrik Bakun ke Semenanjung adalah merupakan salah satu perancangan jangka panjang bagi memenuhi keperluan bekalan elektrik di Semenanjung. Walaupun ketika ini kadar *reserve margin*, dengan izin, adalah tinggi, iaitu sekitar 54 peratus, kadar ini dijangka akan menurun ke tahap 32 peratus menjelang tahun

2015 dengan andaian bahawa permintaan bekalan elektrik meningkat sebanyak 2 hingga 4 peratus setahun bermula dari tahun 2009 dan bekalan elektrik sebanyak 800MW disalurkan dari Bakun pada tahun tersebut.

Walau bagaimanapun, kadar *reserve margin*, dengan izin, bagi Semenanjung dijangka akan berada di bawah paras selesa iaitu kurang daripada 25 peratus pada tahun 2016 disebabkan empat (4) buah stesen jana kuasa elektrik milik penjana kuasa bebas generasi pertama akan tamat tempoh operasi pada tahun tersebut. Oleh itu, bekalan elektrik dari Projek Hidro Elektrik Bakun dapat membantu menampung sebahagian daripada keperluan bekalan elektrik di Semenanjung bagi tempoh tersebut.

Sungguhpun bekalan elektrik dari Projek Hidro Elektrik Bakun tidak dapat membekalkan keseluruhan keperluan bekalan elektrik yang diperlukan oleh Semenanjung bagi tempoh tersebut, ia dapat mengurangkan kebergantungan kepada bahan api fosil yang bukan sahaja mempunyai kekangan dari segi bekalan, malah mempunyai harga yang tidak menentu. Pada masa ini, bahan api fosil membekalkan lebih daripada 90% kepada keperluan bekalan elektrik negara.

Oleh itu, penyaluran bekalan elektrik dari Bakun ke Semenanjung ini adalah penting untuk mempelbagaikan sumber bahan api penjanaan elektrik negara dalam memastikan bekalan elektrik yang terjamin dan pada harga yang berpatutan bagi para pengguna di Semenanjung.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK (RASAH)**

**TARIKH : 21 OKTOBER 2009.**

**SOALAN :**

**Y.B. Tuan Loke Siew Fook** minta **Perdana Menteri** menyatakan apakah status dan keputusan terkini mengenai cadangan pembelian Projek lebuh Raya Utara Selatan oleh syarikat Asas Serba dan apakah rasionalnya syarikat ini dipertimbangkan serta apakah kekuatan kewangan syarikat tersebut.

**JAWAPAN : YB TAN SRI NOR MOHAMED YAKCOP**

Tuan Yang Dipertua,

Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, belum menerima permohonan daripada Syarikat Asas Serba untuk mengambil alih PLUS.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
(PAYA BESAR)**

**TARIKH : 21 OKTOBER 2009 (RABU)**

**SOALAN :**

**Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL (PAYA BESAR)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana kemiskinan rakyat di luar bandar dapat diatasi melalui program-program pembangunan ekonomi, terutama bantuan ke arah masyarakat niaga dan sektor pertanian serta industri kecil dan sederhana, sehingga kelompok yang benar-benar miskin di luar bandar ini akhirnya dapat berdikari.

**JAWAPAN : YB TAN SRI NOR MOHAMED YAKCOP**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan terus berusaha untuk mengurangkan kemiskinan termasuk di bandar dan luar bandar. Di luar bandar, tumpuan pelaksanaan program pembasmian kemiskinan adalah ke arah menyediakan peluang-peluang untuk penjana pendapatan serta penyediaan kemudahan-kemudahan asas yang selesa. Di antara program-program tersebut ialah program membangunkan perniagaan kecil menerusi bantuan kredit, khidmat nasihat dan latihan keusahawan,

pembinaan gerai niaga dan sebagainya. Di samping itu, Kerajaan juga menyediakan pelbagai bentuk bantuan seperti mesin, peralatan, premis/bengkel dan latihan di dalam bidang perusahaan asas tani, perniagaan kecil-kecilan, aktiviti perkhidmatan dan aktiviti pertanian/penternakan dan sebagainya.

Secara khusus, antara program yang dijalankan di sektor pertanian ialah pelaksanaan projek pembukaan ladang agropolitan, ladang kontrak dan bantuan input pertanian yang telah menyumbang kepada peningkatan pendapatan kepada golongan miskin di luar bandar. Kerajaan juga melaksanakan pelbagai program lain seperti program bantuan rumah, program pendidikan dan latihan, saham amanah dan sebagainya.

Melalui pelaksanaan pelbagai program tersebut, Kerajaan telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan di luar bandar secara berterusan di mana kadar kemiskinan di luar bandar telah berkurangan daripada 36.4 peratus pada tahun 1980 kepada 7.7 peratus pada tahun 2008. Ini menggambarkan pelaksanaan program tersebut telah membantu mengurangkan kemiskinan di luar bandar secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**NO. AUM : 16**

**NO. AUP : 28**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [ BAKRI ]**  
**TARIKH : 21 OKTOBER 2009**  
**RUJUKAN : 2045**

**SOALAN:**

**Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) senarai perbezaan antara S-5 dan AV4 dari segi harga perolehan, kos penyelenggaraan dan prestasi keupayaan kedua-dua kenderaan; dan
- (b) kenapa tidak utamakan penggunaan kenderaan AV4 buatan Malaysia dan apakah punca tersebut.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat; kos perolehan 4 unit kereta perisai jenis S5 adalah sebanyak RM11.5 juta [RM11,498,910.00] meliputi kos *Initial Spare Part Requirement* (ISR), latihan pengendalian dan penyaraan kepada mekanik PDRM dan lawatan sebelum pemeriksaan (*Pre-Delivery Inspection*; PDI) di Korea Selatan.

Tuan Yang Di Pertua,

Perolehan kereta perisai berkenaan adalah selaras dengan memorandum persefahaman (*Memorandum of Understanding*; MOU) di antara Kerajaan dan *United Nation Department of Peace Keeping* (UNDPKO) bagi penugasan 140 pegawai dan anggota PDRM di Timor Leste (UNMIT). Kereta perisai berkenaan adalah memenuhi spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN), mampu dibekalkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan dan didapati sesuai untuk penugasan setelah ujian kesesuaian dijalankan.

Tuan Yang Di Pertua,

Perolehan kereta perisai AV4 buatan Malaysia tidak dapat dilaksanakan pada ketika itu kerana ia masih lagi dalam peringkat prototaip dan rekabentuknya menjurus kepada penugasan ketenteraan. Perolehan juga tidak dapat diteruskan kerana tempoh masa yang telah ditetapkan oleh UN adalah terlalu singkat. Sekiranya perolehan tidak dibuat ianya akan menjejaskan keselamatan pegawai dan anggota PDRM yang bertugas.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATO' SERI ONG KA TING (KULAI)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 21.10.2009**

**Dato' Seri Ong Ka Ting (Kulai)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejajar dengan semangat 1Malaysia yakni rakyat berbilang kaum seharusnya diberi peluang bersama membangunkan negara, adakah Kerajaan sedia menimbang untuk mengambil lebih ramai calon bukan Bumiputera mengisi jawatan pengurusan tinggi dan jawatan-jawatan strategik yang lain di syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLCs).

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, persoalan terhadap kesediaan Kerajaan untuk mengambil lebih ramai calon bukan Bumiputera bagi mengisi jawatan pengurusan tinggi di GLC tidak sepatutnya timbul kerana pecahan guna tenaga di GLC-GLC secara umumnya adalah selaras dengan semangat keadilan antara kaum yang ditekankan di bawah konsep 1Malaysia.

2. Berdasarkan perangkaan di 19 buah GLC terbesar (G-20) di bawah Program Transformasi GLC, peratusan bukan Bumiputera yang memegang jawatan kanan di GLC-GLC ini adalah sebenarnya lebih tinggi daripada purata kebangsaan bagi guna tenaga berasaskan kaum. Daripada 3,471 orang pengurus kanan (Pengurus Besar dan ke atas) di G-20, sebanyak 1,479 orang atau 42.6% merupakan kaum bukan Bumiputera. Secara keseluruhannya, daripada 222,382 kakitangan yang berkhidmat di G-20, sebanyak 74,598 orang atau 33.5% adalah berketurunan bukan Bumiputera. Ini sebenarnya selaras dengan peratusan kebangsaan bagi tenaga kerja bukan Bumiputera di Malaysia, iaitu sebanyak 33%.

**NO. AUM : 20**

**NO. AUP : 30**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]**

**TARIKH : 21 OKTOBER 2009**

**RUJUKAN : 2047**

**SOALAN:**

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan siapakah pegawai atasan yang memberi arahan kepada polis untuk menghalang Adun-Adun Negeri Perak daripada menghadiri persidangan Dewan Undangan Negeri Perak pada 2 September 2009 di Bangunan Perak Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Beruas yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Di dalam kejadian 2 September 2009 berhubung dengan tindakan pihak polis menghalang cubaan kali ke 2 Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Perak dari memasuki Dewan, ingin saya jelaskan di sini bahawa pihak polis bertindak setelah menerima maklumat bahawa satu perhimpunan haram akan diadakan di sekitar Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SUK) pada tarikh tersebut. Pada waktu yang sama, Ketua Polis Daerah Ipoh juga telah dimaklumkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perak bahawa tidak ada persidangan Dewan Undangan Negeri Perak diadakan pada tarikh berkenaan. Ekoran dari itu, pihak polis telah mengadakan kawalan di sekitar Bangunan SUK bagi mencegah mana-mana pihak berkumpul di hadapan bangunan tersebut termasuk mereka yang mendakwa kononnya untuk menghadiri persidangan Dewan.

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah seksyen 27 Akta Polis 1967, pihak polis mempunyai kuasa untuk menghentikan mana-mana perhimpunan, perjumpaan atau perarakan yang dianjurkan di tempat awam tanpa permit. Manakala kuasa yang sama turut diperuntukkan kepada pihak polis di bawah seksyen 27A bagi mencegah dan menyuraikan mana-mana perhimpunan, perjumpaan atau perarakan yang dianjurkan selain di tempat awam tanpa permit.

Tuan Yang Dipertua,

Saya ingin menegaskan di sini bahawa kehadiran pihak polis di Bangunan SUK pada 2 September 2009 adalah untuk menjaga keselamatan dan ketenteraman awam dan bukanlah disebabkan oleh arahan-arahan daripada mana-mana pihak.

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEDUA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [ PUTATAN ]**

**TARIKH : 21 OKTOBER 2009**

**SOALAN : 31**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :-

- (a) Sejauh mana suksesnya usaha Kementerian dalam memperkasakan program inovasi di negara ini; dan
- (b) Jenis inovasi negara yang telah dikomersilkan, oleh siapa dan berapa pulangnya setakat ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

**JAWAPAN (A)**

Untuk makluman ahli-ahli yang berhormat, Kementerian sentiasa menjalankan pelbagai program berkaitan inovasi dalam usaha untuk

menggalak, membangun dan membudayakan daya kreativiti dan inovasi kepada semua peringkat rakyat. Kerajaan sedar bahawa setiap lapisan masyarakat Malaysia merupakan modal insan berpotensi untuk sama-sama menyumbang ke arah pembangunan ekonomi negara.

Pelbagai aktiviti telah diadakan seperti pameran inovasi, persidangan, bengkel, ceramah, pertandingan dan anugerah melalui program utama Kementerian dan juga lain-lain program anjuran kerajaan negeri, lain-lain agensi kerajaan dan swasta. Di antara program-program utama penggalakkan inovasi Kementerian seperti berikut:

- (i) **Pameran dan Persidangan Inovasi Kebangsaan (*National Innovation Conference and Exhibition-NICE*)** berobjektif untuk mewujudkan kesedaran mengenai kepentingan inovasi serta merangsang dan menggalakkan budaya inovasi di setiap peringkat masyarakat Malaysia. Aktivitinya merangkumi Anugerah Inovasi Negara, pameran inovasi, persidangan, ceramah dan bengkel. Kumpulan sasarnya terdiri daripada peringkat akar umbi sehingga profesional. Bagi tahun 2009, NICE ini akan diadakan pada 29 hingga 31 Oktober 2009 di Pusat Dagangan Dunia Putra.
  
- (ii) **Anugerah Inovasi Negara (AIN)** diadakan sempena NICE bertujuan untuk mengiktiraf usaha inovasi dan kreativiti yang menjana idea, ciptaan dan produk baru dalam sains dan teknologi serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi Negara. Kategori AIN

untuk tahun 2009 ialah dua (2) iaitu yang pertama Kategori Produk terbahagi kepada 5 sub-kategori iaitu *Waste to Wealth*, Bioteknologi, Kesihatan, Industri dan ICT, dan yang kedua Kategori Akar Umbi yang juga terbahagi kepada 5 sub-kategori iaitu Pereka Muda (18-35 tahun), Sekolah Menengah, Komuniti, Wanita dan OKU.

(iii) **Portal MyIDEAS** telah dilancarkan pada 8 Julai 2009 oleh Y.A.B. Perdana Menteri. *Tag line* Portal ini iaitu *1Malaysia 1Million Ideas* bermaksud rakyat Malaysia merupakan rakyat yang berdaya kreatif, setiap individu itu sudah pasti mempunyai sekurang-kurangnya satu idea dalam kehidupannya. Portal ini merupakan satu platform di mana semua lapisan masyarakat boleh menyumbangkan idea-idea mereka yang inovatif dan kreatif. Sehingga 9 Oktober 2009, bilangan idea yang diterima ialah 825.

(iv) **Tahun Inovasi dan Kreativiti Malaysia** yang akan disambut pada tahun 2010 dengan tema *Innovation and Creativity for All* merupakan inisiatif kerajaan secara menyeluruh bertujuan untuk meningkatkan kesedaran & memupuk budaya inovasi di kalangan rakyat Malaysia ke arah penghasilan kekayaan, penjana ilmu dan kesejahteraan rakyat. Adalah diminta supaya semua tema program dan aktiviti yang akan diadakan pada tahun 2010 oleh semua pihak seperti Kerajaan negeri, kerajaan serta swasta hendaklah menjurus kepada tema inovasi dan kreativiti supaya dapat memberikan impak besar dalam menjayakannya.

(v) **Karnival Inovasi dan Kreativiti Sarawak** telah berlangsung pada 14-16 Ogos 2009 di Kuching dianjurkan oleh Kementerian bersama Kerajaan Negeri Sarawak dan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM). Karnival ini merupakan pra-promosi untuk Tahun Inovasi dan Kreativiti Malaysia 2010. Programnya meliputi pameran inovasi di mana produk-produk inovasi rekacipta tempatan dari 11 kawasan Residen Sarawak, sekolah-sekolah, universiti dan kumpulan wanita Sarawak dipamerkan, serta ceramah dan bengkel. Platform *InnoMarket* juga disediakan yang memberi peluang kepada perekacipta tempatan ini untuk memperkenalkan rekacipta mereka serta membuat jualan produk inovasi ini terus kepada pengunjung.

Melalui program-program diatas adalah didapati terdapat peningkatan dari segi bilangan penglibatan, penyertaan dan kesedaran masyarakat keseluruhannya terhadap inovasi. Penghayatan kepada budaya inovasi dan kreativiti ini diharapkan akan membuka minda peserta ke arah berfikir di luar kotak, memberi inspirasi dan galakan untuk lebih berusaha menimba ilmu pengetahuan, kemahiran dan bersedia untuk lebih proaktif dalam menjana idea-idea baru. Ini seterusnya akan diterjemahkan melalui penghasilan produk-produk inovatif baru yang menarik dan berdaya saing serta boleh menyumbang kepada peningkatan pendapatan.

## **JAWAPAN (B)**

Tuan Yang Dipertua,

Hasil daripada program-program inovasi yang telah dilaksanakan bagi RMKe-8 dan RMKe-9, Kementerian telah berjaya mengkomersialkan sebanyak 283 projek yang bernilai RM 1.43 billion. Sebanyak 539 prototaip berjaya dihasilkan, 1,270 harta intelek telah difailkan, 1,125 anugerah telah diperolehi. Dari segi penerbitan sebanyak 1,174 merupakan peringkat antarabangsa dan 9,718 peringkat nasional, manakala dari segi pembangunan modal insan pula terdapat 1,466 graduan PhD dan 3,389 graduan sarjana dalam bidang S&T. Kesemua kejayaan di atas dicapai melalui geran penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan yang dikeluarkan oleh Kementerian ini.

Sebagai contoh dengan pemberian geran RM 11.41 juta, bagi 10 projek, kita telah berjaya menyumbang dan membantu kepada jualan syarikat-syarikat sebanyak RM 356.2 juta. Dengan ini secara tidak langsung MOSTI telah berjaya menambah nilai ekonomi negara sejajar dengan matlamat Teras Satu Misi Nasional.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' RASHID BIN DIN [ MERBOK ]**

**TARIKH : 21 OKTOBER 2009**

**SOALAN:**

**Dato' Rashid Din [ Merbok ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah akta atau peraturan-peraturan pilihan raya yang membenarkan isteri atau suami anggota angkatan tentera yang tinggal di dalam kem membuang undi secara pos di dalam mana-mana pilihan raya yang diadakan.

**JAWAPAN:     YB DATUK LIEW VUI KEONG**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA**  
**MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peraturan yang membenarkan isteri atau suami anggota angkatan tentera yang tinggal di dalam kem membuang undi secara pos diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003. Peraturan 3(1)(a), Peraturan tersebut menyatakan bahawa **“mana-mana orang yang telah mendaftarkan diri sebagai seorang pemilih Parlimen atau Negeri di bawah Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002, dan dia ialah seorang pengundi tidak hadir, adalah berhak untuk mengundi sebagai pengundi pos”**.

Berhubung dengan tafsiran pengundi tidak hadir, Peraturan 2(b) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002, menjelaskan bahawa ianya meliputi isteri atau suami kepada seorang

anggota yang berkhidmat dengan mana-mana angkatan tentera yang disebut dalam Perenggan (a) Peraturan ini yang memilih untuk menjadi pengundi tidak hadir.

Berdasarkan kepada peruntukan kedua-dua Peraturan tersebut, pengundi tidak hadir yang merangkumi isteri atau suami anggota tentera adalah layak untuk mengundi secara pos.

**Sekian. Terima kasih.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG (SEGAMBUT)**

**TARIKH : 21 OKTOBER 2009 (RABU)**

**SOALAN :**

YB Tuan Lim Lip Eng (Segambut) minta **MENTERI PEMBAGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status siasatan polis dalam laporan Jawatankuasa Bertindak Peringkat Kebangsaan bagi Menyiasat Dakwaan Penderaan Seksual Terhadap Wanita Kaum Penan di Sarawak dan mengapa tiada tindakan terhadap Ketua Menteri Sarawak yang enggan menyiasat perkara ini apabila aduan mulai dibuat pada tahun lalu.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Jawatankuasa Bertindak Peringkat Kebangsaan Bagi Menyiasat Dakwaan Penderaan Seksual terhadap Wanita Kaum Penan di Sarawak yang ditubuhkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) pada 8 Oktober 2008 adalah bertujuan untuk menyiasat dakwaan eksploitasi seks ke atas wanita dan pelajar perempuan kaum Penan di Sarawak oleh pekerja syarikat pembalakan.

Antara hasil laporan tersebut ialah bahawa dakwaan mengenai penderaan seksual di kalangan kanak-kanak perempuan dan wanita Penan oleh orang luar yang berurusan dengan kaum Penan termasuk pekerja syarikat pembalakan dan peniaga-peniaga memang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehubungan ini, Laporan Jawatankuasa Bertindak tersebut telah dikemukakan kepada pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) selaku Ahli Jawatankuasa Bertindak Peringkat Kebangsaan Bagi Menyiasat Dakwaan Penderaan Seksual Terhadap Wanita Kaum Penan di Sarawak. PDRM juga telah menubuhkan Pasukan Penyiasat Khas yang bertanggungjawab menyiasat kes ini. Pihak Kementerian dimaklumkan bahawa pada masa ini Pasukan Penyiasat Khas masih lagi menjalankan siasatan.

Siasatan ke atas dakwaan kanak-kanak perempuan dan wanita Penan adalah di bawah bidang kuasa PDRM dan bukannya YAB Ketua Menteri Sarawak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATUK CHUA SOON BUI**  
**[TAWAU ]**  
**TARIKH JAWAPAN : 21 OKTOBER 2009 (RABU)**  
**DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

**Yb. Datuk Chua Soon Bui** minta **Menteri Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air** menyatakan :-

- (a) apakah peringkat kemajuan kerja (kajian Unit Perancang Ekonomi, Amaun dan Anugerah Tender, Tarikh-tarikh permulaan dan penyempurnaan) berhubung pembinaan Penjana Kuasa Gas 300 MW di Kimanis, Sabah; dan
- (b) adakah bekalan kuasa Kimanis disambungkan melalui Grid Pantai Timur Barat ke Tawau dan mengapa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Buat masa ini, kemajuan projek loji jana kuasa 300MW berasaskan gas di Kimanis, Sabah oleh gabungan PETRONAS dan Yayasan Sabah masih berada di peringkat awal pelaksanaan. Sehingga kini, pihak pemaju projek telah pun **melantik perunding-perunding bagi pelaksanaan projek, kewangan, perundangan serta insurans.** Kajian EIA bagi tapak projek telah pun dilaksanakan dengan kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar diperolehi pada 4 September 2009. Pihak pemaju projek juga sedang dalam proses untuk memuktamadkan dokumen dengan izin, *Invitation To Bid* (ITB) untuk *Engineering, Procurement, Construction, Commissioning* (EPCC).

Penganugerahan tender dijangka dapat dilaksanakan pada Oktober 2010. Loji jana kuasa berkapasiti 300MW berasaskan gas oleh gabungan PETRONAS dan Yayasan Sabah ini dijangka dapat dimula tugas secara berperingkat melalui tiga (3) fasa dengan kapasiti penjanaan 100 MegaWatt (MW) pada setiap fasa. Unit pertama dijadualkan memula tugas pada Disember 2013, unit kedua pada Mac 2014 dan unit ketiga pada Jun 2014.

Memandangkan terdapat kekangan kapasiti penjanaan di kawasan Pantai Timur Sabah, bekalan kuasa daripada loji jana kuasa ini akan disalurkan ke Pantai Timur Sabah melalui Grid Sambungtara Timur bagi memenuhi keperluan bekalan di kawasan Pantai Timur Sabah termasuk Tawau.

\*\*\*\*\*

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN FONG PO KUAN

( BATU GAJAH )

TARIKH : 21 OKTOBER 2009 ( RABU )

SOALAN :

YB Puan Fong Po Kuan ( Batu Gajah ) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah objektif mengadakan Women's Summit dan nyatakan kos keseluruhan perbelanjaan bagi persidangan yang diadakan di bulan Ogos baru-baru ini serta kos sambutan Hari Wanita yang dilancarkan oleh YAB. Perdana Menteri itu.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Sidang Kemuncak Wanita mula diadakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) pada tahun 2003 dan ia merupakan salah satu acara bersempena dengan sambutan Hari Wanita. Sidang Kemuncak Wanita ini bertujuan untuk menemukan wanita daripada sektor awam, korporat, akademik dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) untuk membina satu visi yang sama dan mencari penyelesaian yang praktikal kepada sebahagian cabaran yang dihadapi oleh wanita di tempat kerja. Seperti kita sedia maklum pelbagai masalah dihadapi oleh wanita di tempat kerja, termasuk isu keseimbangan kerjaya dan keluarga (*work-life balance*) dan juga isu penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua,

Perbincangan dan perakuan yang terhasil daripada Sidang Kemuncak Wanita ini telah dapat membantu Kementerian dan Kerajaan menjana beberapa inisiatif bagi menangani isu-isu wanita di tempat kerja, khususnya dalam usaha mengimbangkan tanggungjawab kerjaya dan keluarga. Antaranya:

- (i) Konsep Pejabat@Rumah telah diluluskan oleh Kerajaan pada 22 Mei 2007 sebagai cara kerja alternatif;
- (ii) Cuti (tanpa gaji) menjaga anak dilanjutkan daripada 3 bulan kepada maksimum 5 tahun bagi pekerja sektor awam;
- (iii) Kenaikan geran pelancaran daripada RM50,000 kepada RM80,000 bagi majikan sektor awam yang menubuhkan TASKA di tempat kerja; dan
- (iv) Subsidi yuran TASKA sebanyak RM180.00 bagi seorang anak diberi kepada pekerja sektor awam yang berpendapatan isi rumah kurang daripada RM3,000 sebulan.

Selain itu, bagi meningkatkan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan, Kerajaan telah mengumumkan Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan pada tahun 2004.

Tuan Yang di-Pertua,

Penganjuran Sidang Kemuncak Wanita 2009 kali ini telah melibatkan perbelanjaan sebanyak RM364,657.50. Perbelanjaan ini amatlah berpatutan dengan manfaat yang diterima oleh seramai 1,500 orang peserta.

Hari Wanita Peringkat Kebangsaan disambut pada tanggal 25 Ogos setiap tahun dengan objektif memberi pengiktirafan kepada wanita di atas sumbangan mereka di dalam pembangunan dan kemajuan negara, memberi maklumat, pengetahuan dan kefahaman kepada masyarakat umum mengenai peranan wanita di dalam pembangunan negara melalui pameran-pameran dan risalah-risalah dan meningkatkan kefahaman peserta mengenai hala tuju Kerajaan untuk membentuk sebuah negara yang progresif tanpa mengabaikan kepentingan dan sumbangan daripada kelompok-kelompok tertentu masyarakatnya.

Majlis sambutan yang telah diadakan pada 25 Ogos 2009 bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Kuala Lumpur telah dihadiri oleh kira-kira 4,000 orang peserta yang terdiri daripada masyarakat pelbagai kaum dan golongan termasuk orang kurang upaya dan warga emas. Secara keseluruhannya perbelanjaan yang terlibat bagi menjayakan Majlis Sambutan ini ialah sebanyak RM491,000.00.

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA :** Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG  
 [ MARANG ]  
**TARIKH :** 21 OKTOBER 2009  
**SOALAN :**

**Y.B. Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peratus sumbangan negeri Sarawak, Sabah, Terengganu dan Kelantan kepada pengeluaran Petroleum negara antara tahun 2005 hingga 2008 serta jumlahnya dalam Ringgit Malaysia.

**JAWAPAN :** YB TAN SRI NOR MOHAMED YAKCOP

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peratus pengeluaran minyak mentah, kondensat dan gas dari luar pantai Malaysia antara tahun kewangan berakhir 31 Mac 2005 hingga 2008 adalah seperti berikut:

Tahun kewangan berakhir 31 Mac	Semenanjung Malaysia	Sarawak	Sabah	Jumlah
2005	46.9%	47.1%	6.0%	100%
2006	45.6%	48.2%	6.2%	100%
2007	43.9%	50.0%	6.1%	100%
2008	42.5%	49.8%	7.7%	100%

Sehingga kini, tiada sebarang pengeluaran minyak mentah, kondensat dan gas dari luar pantai Kelantan.

Pengeluaran minyak mentah dan gas asli tidak dinilai dalam Ringgit Malaysia. Penilaian minyak mentah dan gas asli dalam Ringgit Malaysia hanya boleh dilakukan apabila ianya dijual kepada pembeli.

Sekian, terima kasih.

NO. AUM : 35

NO. AUP : 37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ]**

**TARIKH : 21 OKTOBER 2009**

**RUJUKAN : 2050**

**SOALAN:**

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keadaan pembantu rumah di negara ini termasuk bilangan, persetujuan dengan negara-negara asal seperti Indonesia dan gaji minimum.

## JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat kerana bertanyakan soalan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan statistik yang diperoleh dari Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bahawa, bilangan Pembantu Rumah Asing (PRA) sehingga suku pertama tahun 2009 adalah seramai 252,495 orang PRA dan daripada jumlah itu seramai 231,056 orang (91.5%) adalah merupakan warganegara Indonesia.

Sehingga kini Malaysia hanya mempunyai perjanjian persafahaman dengan Indonesia **SAHAJA** mengenai PRA yang ditandatangani pada 13 Mei 2006. Mengenai gaji minima pula, Kerajaan tidak mempunyai dasar untuk menetapkan sebarang gaji minima pekerja asing untuk mana-mana sektor di Malaysia tetapi ketetapan gaji adalah ditentukan oleh pasaran (*market forces*). Selain daripada itu, pemberian gaji juga adalah bergantung kepada kontrak yang telah dipersetujui di antara majikan dan PRA. Perkara ini adalah termaktub di dalam Perjanjian Persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK IR EDMUND CHONG KET WAH  
[BATU SAPI]**

**TARIKH : 21 OKTOBER 2009**

**SOALAN**

**Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah [ Batu Sapi ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memandangkan Sabah, Sarawak dan Malaya telah bersatu bagi pembentukan Malaysia pada tahun 1963, mengapakah kita telah menyambut 52 tahun kemerdekaan seolah-olah Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 1957.**

**JAWAPAN:      YB DATUK LIEW VUI KEONG**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA**  
**MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Sememangnya saya ingin menegaskan bahawa Gagasan 1Malaysia merangkumi integrasi nasional antara rakyat Malaysia dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Kedua-dua negeri ini telah menyertai Malaya sejak tahun 1963 untuk membentuk Malaysia.

Pembentukan Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat merupakan satu titik sejarah yang amat penting. Oleh sebab itulah Jemaah Menteri baru-baru ini telah membuat keputusan yang bersejarah yakni untuk meraikan Hari Malaysia pada 16 September dan mulai 2010 ia diisytiharkan sebagai hari cuti awam untuk seluruh Malaysia.

Dengan demikian rakyat Malaysia akan merayakan dua hari kebangsaan secara berkembar. Hari Merdeka pada 31 Ogos mengingatkan kita akan perjuangan mencapai kemerdekaan dari penjajahan yang akan dirayakan dengan pelbagai acara rasmi seperti perarakan dan sebagainya untuk mengingati detik sejarah ini. Hari Malaysia pula akan dirayakan dengan acara-acara bersifat mengeratkan perpaduan persefahaman antara kaum,

kejayaan dan pencapaian masyarakat menerusi bidang sukan, sosio budaya, kesenian dan lain-lain yang akan menyemarakkan semangat 1Malaysia.

**Sekian. Terima kasih.**

NO. AUM : 40

NO. AUP : 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]**

**TARIKH : 21 OKTOBER 2009**

**RUJUKAN : 2052**

**SOALAN:**

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa polis menghalang Adun-adun Pakatan Rakyat daripada menghadiri persidangan Dewan Negeri di Bangunan Perak Darul Ridzuan pada 2 September 2009 merangkap 3 orang Adun tersebut dan mencederakan seorang daripada mereka.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Beruas yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pada 1 September 2009, Ketua Polis Daerah Ipoh telah menerima maklumat bahawa satu perhimpunan akan diadakan di hadapan Bangunan Perak Darul Redzuan sempena Sidang Dewan Undangan Negeri yang dikatakan akan dihadiri oleh ADUN Pakatan Rakyat. Melalui semakan yang dibuat dengan pihak Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, pihak polis mendapati bahawa tiada sebarang mesyuarat atau persidangan DUN dijadualkan pada tarikh 2 September 2009. Ekoran daripada maklumat tersebut, Ketua Polis Daerah Ipoh telah mengambil langkah-langkah pencegahan memandangkan tiada sebarang permohonan dari mana-mana pihak untuk mendapatkan permit bagi mengadakan perhimpunan. Pihak polis juga telah mendapatkan Perintah daripada Mahkamah Majistret di bawah Seksyen 98 Kanun Acara Jenayah bagi menghalang orang ramai daripada berhimpun dalam lingkungan radius 30 meter dari pagar Bangunan Perak Darul Ridzuan.

Tuan Yang Dipertua,

Pada 2 September 2009, kira-kira jam 9.50 pagi, terdapat lebih kurang 50 hingga 60 orang berhimpun termasuk ADUN-ADUN Pakatan Rakyat berkumpul di hadapan Restoran Selera Idwa Jln. Medan Istana Ipoh dan kumpulan besar ini telah berarak ke arah Bangunan Perak Darul Ridzuan. Pihak polis telah memberi nasihat serta mengarahkan mereka berhenti dan bersurai tetapi tidak diendahkan oleh kumpulan tersebut. Justeru itu tangkapan telah dibuat ke atas 6 orang lelaki termasuk 3 orang ADUN atas kesalahan menyertai perhimpunan haram. Hanya setelah tangkapan dibuat, barulah orang ramai yang menyertai perhimpunan tersebut bersurai dan meninggalkan tempat berkenaan. Semasa tangkapan dibuat, salah seorang ADUN bertindak agresif memberi tentangan sehingga berlaku pergelutan dengan pihak polis, di mana YB Keshvinder Singh a/l Kashmir Singh telah mengalami kecederaan di bahagian dahi dan mendapat rawatan di hospital.

Tuan Yang Dipertua,

Tangkapan ke atas ketiga-tiga ADUN tersebut adalah dibuat kerana gagal mematuhi arahan bersurai dari pihak polis dan dibuat mengikut prosedur seperti yang dinyatakan dalam undang-undang bagi mengekalkan keselamatan dan ketenteraman awam.

**NO SOALAN: 40**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG [ IPOH TIMUR ]**

**TARIKH : 21 OKTOBER 2009**

**SOALAN :**

**YB Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengembalikan kepercayaan rakyat yang semakin curiga terhadap kebebasan, ketelusan dan profesionalisme Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) setelah kematian misteri Teoh Beng Hock di ibu pejabat SPRM.**

**JAWAPAN:      YB DATUK LIEW VUI KEONG**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA**  
**MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan yakin dan percaya langkah untuk mengadakan inkuiri berhubung dengan kematian mendiang Teoh Beng Hock di Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor dan penubuhan Suruhanjaya Diraja bagi tujuan menyiasat aspek prosedur SPRM merupakan langkah yang tepat untuk mengembalikan kepercayaan rakyat terhadap kebebasan, ketelusan dan profesionalisme SPRM.

Inkuiri yang bertujuan bagi mengetahui punca dan keadaan kematian mendiang Teoh Beng Hock merupakan 'venue' yang sesuai disediakan oleh undang-undang bagi kes-kes kematian mengejut sebegini. Manakala itu, penubuhan Suruhanjaya Diraja pula bertujuan untuk menyiasat aspek pengurusan dan prosedur pegawai SPRM dalam melaksanakan tugas mereka.

Inkuiri yang ditetapkan di bawah Kanun Acara Jenayah dan Suruhanjaya Diraja yang dibentuk di bawah Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 merupakan mekanisme yang dibenarkan oleh undang-undang untuk mengetahui kebenaran secara adil dan saksama. Ia mampu untuk menyelesaikan sepenuhnya semua kebimbangan

sama ada di pihak Kerajaan atau orang ramai. Apa sahaja keputusan yang dibuat oleh Inkuiri dan Suruhanjaya Diraja berhubung dengan kes kematian mendiang Teoh Beng Hock perlu diterima dengan hati yang terbuka oleh semua pihak.

Sekian. Terima kasih.